Berdasarkan senario ini, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti berusaha melahirkan pelajar program Sijil Fesyen Dan Pakaian yang memenuhi kehendak industri di dalam bidang TVET. Pelajar dapat mempelajari ilmu-ilmu yang berkaitan dengan fesyen dan pakaian secara teori dan praktikal serta keusahawanan bagi memastikan mereka memperoleh pengetahuan yang mendalam dalam bidang tersebut.

Program ini mempunyai 4 semester pembelajaran termasuk satu semester penuh latihan industri di semester 4 untuk memastikan program ini memenuhi keperluan industri bagi memastikan pelajar merasai suasana sebenar dalam pekerjaan dan menimba pengetahuan serta pengalaman di industri. Bukan sahaja kemahiran teknikal, malah pelajar juga mempelajari kemahiran insaniah untuk menjadi seorang graduan yang holistik dan bersahsiah tinggi.



## 8.4 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.2 Fasiliti Unit SFP

BIL	MAKMAL/BENKEL	KUANTITI
1.	Makmal Apparel	1
2.	Studio	5

### 8.4.3 Sinopsis

Program ini dibangunkan untuk merangkumi semua bidang utama dalam pengeluaran fesyen dan pakaian termasuk rekabentuk dan ilustrasi dan pembinaan pakaian. Kursus-kursus dijalankan di studio seni dan bengkel yang lengkap dengan pelbagai jenis peralatan melukis dan menjahit. Program ini bertumpukan kepada aspek pengetahuan dan kemahiran mengendalikan mesin jahit, teknik menjahit, pemilihan bahan, warna dan tekstur. Bukan sahaja pengetahuan dan kemahiran teknikal, program ini juga membentuk para pelajar yang holistik dan bersahsiah tinggi melalui kursus-kursus seperti Pendidikan Islam, Pendidikan Moral Bahasa Inggeris, Pengajian Malaysia dan Keusahawanan bagi membolehkan pelajar menceburi bidang tekno- usahawan dalam bidang teknikal.

### 8.4.4 Prospek Kerja

Program ini menyediakan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang fesyen dan pakaian. Pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki dalam bidang ini membolehkan graduan memulakan kerjaya sebagai:

- Tukang jahit
- Usahawan fesyen
- Pembantu pereka fesyen
- Pembuat sampel pakaian
- Pembantu pereka kostum
- Pembantu pengurus butik
- Pembantu perunding imej
- Pembantu pereka aksesori fesyen
- Pembantu pereka sulaman pakaian
- Pembantu /pembuat atau pemotong pola pakaian

## 8.4 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.5 Matlamat Program

Setiap individu berpotensi untuk mengembangkan kreativiti dan kemahiran sebagai penggiat fesyen yang menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara berpandukan Dasar Industri Kreatif Negara bagi menampung keperluan pekerja mahir, berkebolehan dan mempunyai kemahiran keusahawanan dalam bidang fesyen dan pakaian.

### 8.4.6 Objektif Program / *Programme Educational Objective (PEO)*

Selepas beberapa tahun bergraduat daripada program Sijil Fesyen dan Pakaian, graduan berupaya:

PEO1 : Menerangkan dan mengaplikasi pengetahuan yang relevan serta menunjukkan kemahiran asas teknikal dalam bidang fesyen dan pakaian

PEO2 : Melibatkan diri untuk memimpin, berinteraksi dan berkomunikasi bersama rakan dan pihak berkepentingan dengan mematuhi amalan etika ke arah Matlamat Pembungaan Lestari (SDG)

PEO3 : Mengenalpasti dan menerangkan tentang teknologi digital yang relevan dan teknik numerasi terkait yang boleh diaplikasi kepada bidang Fesyen dan Pakaian

PEO4 : Menyedari tentang keperluan pembelajaran sepanjang hayat dan keusahawanan untuk pembangunan kerjaya

## 8.4 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.7 Hasil Pembelajaran Program / *Programme Learning Outcomes (PLO)*

Pada akhir pembelajaran program ini, pelajar dapat:

- PLO1: Menerangkan dan mengaplikasi pengetahuan asas dan peralatan termasuk kemahiran numerasi dalam bidang fesyen dan pakaian
- PLO2: Menunjukkan kemampuan melaksanakan tugas berdasarkan arahan termasuk penggunaan media digital, teknologi dan pelbagai teknik antara media dalam fesyen dan pakaian
- PLO3: Menunjukkan komunikasi dan berinteraksi dengan rakan, pelanggan, pihak atasan dan masyarakat di dalam persekitaran yang berkaitan dengan pekerjaan fesyen dan pakaian
- PLO4: Menunjukkan tanggungjawab dengan komitmen terhadap amalan profesional dan etika termasuk mematuhi peraturan dan undang-undang kesihatan, keselamatan dan persekitaran dalam melaksanakan arahan yang berkaitan dengan fungsi
- PLO5: Menunjukkan inisiatif untuk pembelajaran sepanjang hayat dan pemikiran keusahawanan dalam aplikasi fesyen dan pakaian

## 8.4 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.8 Struktur Program

#### KOLEJ KOMUNITI STRUKTUR PROGRAM SIJIL FESYEN & PAKAIAN

Klasifikasi	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Pertemuan				Nilai Kredit	Prasyarat / Syarat Bersama
			K	A	T	L		
<b>SEMESTER 1</b>								
WAJIB	SBC10012	APLIKASI KOMPUTER	1	2	0	0	2	
	SUE10011	COMMUNICATIVE ENGLISH	1	0	0	0	1	
	MPU11012	PENGAJIAN MALAYSIA	2	0	0	0	2	
TERAS UMUM	SMP10013	ASAS LUKISAN	1	4	0	0	3	
TERAS DISIPLIN	SFP10033	SULAMAN	1	4	0	0	3	
	SFP10023	PEMBUATAN SAMPEL	1	4	0	0	3	
	SFP10013	POLA ASAS PAKAIAN	1	4	0	0	3	
JUMLAH			26				17	
<b>SEMESTER 2</b>								
WAJIB	SUE20021	WORKPLACE ENGLISH	1	0	0	0	1	
	MPU13012	PENDIDIKAN ISLAM	2	0	0	0	2	
	MPU13022	PENDIDIKAN MORAL		0	0	0		
TERAS DISIPLIN	SFP20073	KAJIAN FABRIK	1	4	0	0	3	
	SFP20063	SENIREKA FESYEN 1	1	4	0	0	3	
	SFP20043	PAKAIAN TRADISIONAL WANITA	1	4	0	0	3	
	SFP20053	PEMBUATAN PAKAIAN WANITA	1	4	0	0	3	
	SFP20143	IIUSTRASI FESYEN DIGITAL	1	4	0	0	3	
JUMLAH			28				18	
<b>SEMESTER 3</b>								
WAJIB	MPU12012	KEUSAHAWANAN	1	0	2	0	2	
TERAS DISIPLIN	SFP30123	PAKAIAN LELAKI	1	4	0	0	3	
	SFP30094	SENIREKA FESYEN 2	1	6	0	0	4	SFP20063
	SFP30103	BUSANA WARISAN	1	4	0	0	3	
	SFP30113	PAKAIAN KONTEMPORARI WANITA	1	4	0	0	3	
	SFP30132	KOSTUM DAN BUDAYA	1	2	0	0	2	
JUMLAH			28				17	
<b>SEMESTER 4</b>								
LATIHAN INDUSTRI	SUT40038	LATIHAN INDUSTRI (LI)	0	0	0	0	8	
JUMLAH			0				8	
JUMLAH NILAI KREDIT							60	

PETUNJUK: K KULIAH  
A AMALI  
T TUTORIAL  
L LAIN-LAIN

## 8.4 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.9 Perincian Kursus

Semester 1			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
Asas Lukisan (SMP10013)	Kursus ini ditawarkan bagi memberikan pelajar pengetahuan dan kemahiran berkaitan asas melukis dan mewarna yang merupakan asas kepada kemahiran merekabentuk. Pelajar akan menggunakan kemahiran yang dipelajari untuk dipraktikkan dalam penghasilan idea dan rekabentuk grafik.	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mempamerkan kemahiran melukis dengan pelbagai teknik dan kemahiran memilih media lukisan yang betul.</li><li>2. Menghasilkan lukisan organik, geometrik dan figura dengan pelbagai teknik melukis.</li></ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus ini:</p> <p>Herzog, L. (2021). Drawing People: Learn How to Draw Realistic Figures, Expressive Poses, And Lifelike Portraits (How to Draw Books). Ulysses Press..</p> <p>Webb, D. (2021). 101 Ways to Draw: A Field Guide to Drawing Mediums and Techniques. David &amp; Charles</p> <p>Solomon, L. (2019). A Field Guide to Color: A Watercolor Workbook. Roost Books.</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus ini :</p> <p>Albers, J. (2020). Interaction of Color: 50th Anniversary Edition. Yale University Press.</p> <p>Susak, J. (2019). How to Draw with Photorealism: Drawing and Shading Techniques - Beginner to Advanced. Independently Published.</p> <p>Manness, E. M. (2018). Art Starts with A Line: A Creative and Interactive Guide to The Art of Line Drawing. Quarto Publishing Group.</p>

## 8.4 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.9 Perincian Kursus

Semester 1			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
<b>Sulaman (SFP10033)</b>	<p>Kursus SULAMAN ini mendedahkan kepada pelajar tentang penghasilan sulaman kreatif dengan menggunakan peralatan-peralatan yang betul dan teknik menjahit sulaman yang sesuai. Pelajar dapat mempelajari teknik-teknik asas sulaman manik dan labuci di samping menghasilkan produk sulaman berasaskan manik dan labuci secara kreatif mengikut rekaan dan kreativiti pelajar.</p>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Menerangkan alat dan bahan yang sesuai untuk sulaman kreatif.</li><li>2. Membuat sampel sulaman manik dan labuci secara kreatif dengan menggunakan peralatan, bahan dan teknik yang sesuai.</li><li>3. Menghasilkan produk sulaman kreatif mengikut trend semasa dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai.</li></ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Bead &amp; Button magazine.(2019). <i>Bead Stitching Handbook</i>. Kalmbach Books.</p> <p>Brown, C. (2019). <i>Beaded Embroidery Stitching: 125 Stitches to Embellish with Beads, Buttons, Charms, Bead Weaving &amp; More</i>. C&amp;T Publishing..</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini :</p> <p>Brown, C. (2016). <i>The Embroidery Book: Visual Resource of Color &amp; Design- 149 Stitches – Step-by-Step Guide</i>. C&amp;T Publishing.</p> <p>DK. (2015). <i>Embroidery: A Step-by-Step Guide to More Than 200 Stitches</i>. DK.</p> <p>Eakin, J.C. (2020). <i>Bead Embroidery Techniques Volume 2 – Edges</i>. Independently Published.</p> <p>Eakin, JC (2018). <i>Dimensional Bead Embroidery: A Reference Guide to Techniques</i>. Lark Books.</p> <p>Power, J (2016). <i>Beading: Techniques and Projects to Build a Lifelong Passion for Beginners Up</i>. B.E.S</p>

## 8.4 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.9 Perincian Kursus

Semester 1			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
Pembuatan Sampel (SFP10023)	Kursus PEMBUATAN SAMPEL ini adalah pengenalan kepada proses pembuatan pakaian. Pelajar perlu mengenali dan mempraktikkan pengendalian mesin jahit dengan kaedah yang betul untuk menghasilkan pelbagai jenis sampel jahitan dalam asas pembuatan pakaian.	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Menyatakan jenis dan bahagian mesin jahit mengikut manual penggunaannya.</li><li>2. Menghasilkan sampel jahitan mengikut proses menjahit yang ditetapkan.</li><li>3. Menghasilkan satu bahagian pakaian yang lengkap dengan sampel jahitan yang ditetapkan.</li></ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini :</p> <p>Assemble Books. (2019). <i>How to Start Sewing: The How and Why of Sewing for Fashion Design: Sewing Techniques with Matching Patterns</i>. Assemble Books.</p> <p>Smith, A. (2018). <i>The Sewing Book: Over 300 Step-by-Step Techniques</i>. DK</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini :</p> <p>Abu Bakar, A (2015). Indah dan Mudahnya Asas Jahitan. Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (JPPKK).</p> <p>Clayton, M. (2015). <i>How to Use A Sewing Machine: A Beginner's Manual</i>. Pavilion.</p>

## 8.4 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.9 Perincian Kursus

Semester 1			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
<b>Pola Asas Pakaian (SFP10013)</b>	<p>Kursus POLA ASAS PAKAIAN ini memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar berkenaan dengan penggunaan alat dan bahan, penghasilan pola asas serta membuat pengubahsuaian pola. Pelajar juga mempelajari cara mengambil ukuran badan, mendraf pola asas pakaian dan kaedah pengubahsuaian pola mengikut ukuran dan stail yang dikehendaki. Pendedahan diberikan kepada pelajar mengenai cara mengacu pakaian pada <i>dummy</i> dan badan manusia.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menerangkan alat dan bahan dalam penghasilan pola asas pakaian.</li> <li>2. Menghasilkan pola asas mengikut ukuran standard saiz M.</li> <li>3. Memanipulasi lisu pada sebahagian pola asas pakaian.</li> </ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini :</p> <p>Assemil Books. (2019). <i>How to Start Sewing: The How and Why of Sewing for Fashion Design: Sewing Techniques with Matching Patterns</i>. Assemil Books.</p> <p>Matthews-Fairbanks, J. L. (2018). <i>Pattern Design: Fundamentals: Construction and Pattern Making for Fashion Design (Volume 1)</i>. Fairbanks Publishing.</p> <p>Smith, A. (2018). <i>The Sewing Book: Over 300 Step-by-Step Techniques</i>. DK, Verreos, N., &amp; Paul, D. (2019). <i>A Basic Guide to Pattern Drafting</i>. US: NIKOLAKI, Inc.</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini :</p> <p>Aldrich, W. (2015). <i>Metric Pattern Cutting for Women's Wear (6th Edition)</i>. Wiley Blackwell.</p> <p>Armstrong, H. J. (2009). <i>Pattern Making for Fashion Design (5th Edition)</i>. PEARSON INDIA.</p> <p>Castro, L. M. D., &amp; Hernandez, I. (2015). <i>Practical Pattern Making: A Step-by-Step Guide</i>. Firefly Books.</p> <p>McCunn, D. (2016). <i>How to Make Sewing Patterns, Second Edition</i>. Design Enterprises of San Francisco.</p> <p>Ritchey, J (2018). <i>Pattern Making: A Practical Treatise for the Pattern Maker on WoodWorking and Wood Turning, Tools and Equipment, Construction of Simple and Complicated Patterns, Modern Molding Machines and Molding Practice</i>. (Classic Reprint). Forgotten Books.</p> <p>Shaharudin, R (2015) <i>Pola Asas Pakaian</i>. Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (JPPKK).</p> <p>Sterlacci, F (2019) <i>Pattern Making: Techniques for Beginners</i>. Laurence King Publishing.</p> <p>Zamkoff, B (2009) <i>Basic Pattern Skills for Fashion Design</i>. Bloomsbury Publishing PLC</p>



## 8.4 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.9 Perincian Kursus

Semester 2			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
<b>Kajian Fabrik (SFP20073)</b>	<p>Kursus KAJIAN FABRIK memperkenalkan klasifikasi fabrik mengikut jenis gentian iaitu gentian asli dan gentian buatan yang sering digunakan dalam pembuatan pakaian. Pelajar akan didedahkan dengan pengetahuan tentang ciri, jenis dan sumber gentian berkenaan sesuatu fabrik. Kursus ini juga memberi pengetahuan mengenai pembinaan fabrik.</p>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Menjelaskan ciri - ciri gentian asli dan gentian buatan.</li><li>2. Merekodkan hasil ujian bagi gentian asli dan gentian buatan.</li><li>3. Menghasilkan sampel tenunan biasa, tenunan twill dan tenunan satin.</li></ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Hallet, C. (2022). <i>Fabric for Fashion: The Swatch Book, Second Edition (An Invaluable Resource Containing 125 Fabric Swatches)</i>. Laurence King Publishing</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Baugh, G. (2018). <i>The Fashion Designer's Textile Directory: A Guide to Fabrics' Properties, Characteristics, and Garment-Design Potential (2nd Edition)</i>. B.E.S.</p> <p>Fashionary, (2020). <i>Textilepedia</i>. Fashionary International Limited</p> <p>Gaimster, J. (2011). <i>Visual Research Methods in Fashion</i>. Berg Publishers.</p> <p>Kozlowski, R. M, &amp; Talarczyk, M. M. (2020). <i>Handbook of Natural Fibres: Volume 1: Types, Properties and Factors Affecting Breeding and Cultivation (The Textile Institute Book Series) (2nd Edition)</i>. Woodhead Publishing</p> <p>Mondal, I. H (2021). <i>Fundamentals of Natural Fibres and Textiles</i>. Elsevier Science Publishing Incorporation.</p>

## 8.4 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.9 Perincian Kursus

Semester 2			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
Senireka Fesyen 1 (SFP20063)	Kursus SENIREKA FESYEN 1 ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman pelajar tentang istilah, perkembangan fesyen, elemen dan prinsip dalam senireka fesyen. Pelajar juga didedahkan dengan cara menghasilkan idea kreatif rekaan fesyen berdasarkan kajian perkembangan fesyen terkini dan mempersembahkan hasil rekaan akhir serta proses-proses rekaan tersebut melalui portfolio.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenalpasti istilah, perkembangan fesyen, elemen, prinsip dan kajian dalam senireka fesyen.</li> <li>2. Melakar idea kreatif rekaan akhir mengikut konsep yang dipilih serta mengikut trend fesyen terkini</li> <li>3. Memaparkan portfolio kreatif berdasarkan penetapan konsep</li> </ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Bleicher, S. (2021). <i>Art and Design Fundamentals</i>. Oxford University Press</p> <p>Derrick, L. (2019). <i>Fashion Sketchbook Figure Template: 430 Large Female Figure Template for Easily Sketching Your Fashion Design Styles and Building Your Portfolio</i>. Lance Publishing Studio</p> <p>Rousoo, C. (2018). <i>Fashion Forward: A Guide to Fashion Forecasting (2nd Edition)</i>. Fairchild Books.</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Cheung E. (2020). <i>Demographics and Fashion Trends, Medieval to Modern: A History of Costume and Fashion</i>. Longwave Press</p> <p>DK. (2019). <i>Fashion, New Edition: The Definitive Visual Guide (Smithsonian)</i>. DK.</p> <p>Faerm, S. (2022). <i>Fashion Design Course: Principles, Practice and Techniques</i>. Thames &amp; Hudson Limited</p> <p>Fashionary (2019). <i>Poses for Fashion Illustration (Card Box): 100 essential figure template cards for designers</i>. Fashionary International Limited</p> <p>Junifa Sha'ari &amp; Ehfan Ibrahim. (2018). <i>Diari Dunia Pereka Fesyen</i>. JPPKK, KPM</p> <p>Lee, J., &amp; Steen, C. (2018). <i>Technical Sourcebook for Apparel Designers (3rd Edition)</i>. Fairchild Books</p> <p>Steele, V. (2022). <i>Fashion Designers A-Z</i>. 40th Edition. Taschen</p> <p>Tain, L. (2018). <i>Portfolio Presentation for Fashion Designers (4th Edition)</i>. Fairchild Books.</p>

## 8.4 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.9 Perincian Kursus

Semester 2			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
<b>Pakaian Tradisional Wanita (SFP20043)</b>	<p>Kursus PAKAIAN TRADISIONAL WANITA ini memperkenalkan tentang proses pembuatan pakaian tradisional wanita. Pada peringkat permulaan, pelajar dikehendaki mengenalpasti sejarah Pakaian Tradisional Wanita. Pelajar juga perlu mendraf pola, memilih fabrik yang sesuai, membuat susun atur pola, menggunting fabrik dan menjahit Pakaian Tradisional Wanita mengikut langkah kerja yang betul. Laporan yang lengkap dengan proses penghasilan Baju Kurung Pesak Buluh dan Kain Ombak Mengalun serta Baju Kebaya Tradisional dan Kain Lipat Batik beserta lembaran kos perlu dibuat oleh pelajar setelah pakaian siap dijahit.</p>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Menerangkan sejarah pakaian tradisional wanita secara jelas.</li><li>2. Mendraf pola pakaian tradisional wanita mengikut aturan yang ditetapkan.</li><li>3. Menghasilkan pakaian tradisional wanita mengikut langkah menjahit yang betul</li></ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Mamat, &amp; Ahmad Azlan. (2018). Pakaian Tradisional Wanita. Putrajaya: BIPD, JPPKK.</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Zaliha Ariffin. (2015). A-Z Menjahit Baju Kurung. Utusan Publication &amp; Distributors San Bhd.</p>

### 8.4.9 Perincian Kursus

Semester 2			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
<b>Pembuatan Pakaian Wanita (SFP20053)</b>	<p>Kursus PEMBUATAN PAKAIAN WANITA ini mendedahkan kepada pelajar tentang asas teori dan amali mengenai pembuatan pakaian wanita iaitu skirt dan blaus. Pada peringkat permulaan kursus ini, pelajar mengenalpasti definisi dan ciri-ciri skirt dan blaus. Selain daripada itu pelajar perlu menghasilkan pakaian mengikut proses-proses pengeluaran pakaian bermula dari membuat lukisan kerja, penyediaan pola, memotong fabrik sehingga ke proses mencantum bahagian-bahagian pakaian dengan prosedur dan teknik yang betul.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjelaskan ciri-ciri pakaian wanita berdasarkan trend fesyen terkini.</li> <li>2. Memanipulasi pola pakaian wanita mengikut trend terkini bersaiz M.</li> <li>3. Menghasilkan pakaian wanita mengikut langkah menjahit yang ditetapkan.</li> </ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Aldrich, W. (2015). <i>Metric Patterns Cutting for Women's Wear</i> (6th Ed). UK: Wiley Blackwell</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Doyle, S. J (2018). <i>How to Make Blouse Patterns That Fit Perfectly: Illustrated Step-By-Step Guide for Easy Pattern Making</i>. Independently Published</p> <p>Emodi, B. (2018). <i>SEW The Garment-Making Book of Knowledge: Real Life Lessons from a Serial Sewist</i>. C&amp;T Publishing</p> <p>Fauziah Ayup. (2018). <i>Jom Jahit! Sebulan Satu Baju. Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital</i>. JPPKK</p> <p>Giammalva, J. (2022). <i>Make Your First A-Line Skirt: One Great-Fitting Pattern, a Few Simple Skills, Endless Possibilities</i>. C &amp; T Publishing</p> <p>Matthews, J. L. (2018). <i>Pattern Design: Fundamentals: Creative Pattern Drafting and Construction</i>. Fairbanks Publishing</p> <p>Parish, P. (2018). <i>Pattern Cutting: The Architecture of Fashion</i>. Bloomsbury Publishing</p> <p>Shoben, M. M. (2020). <i>Pattern Cutting and Making Up</i>. CBS Publ &amp; Dist Private Limited</p> <p>Smith, A. (2018). <i>The Sewing Book: Over 300 Step-by-Step Techniques</i>. DK</p> <p>Sterlacci, F. (2019). <i>Pattern Making: Techniques for Beginners</i>. Laurence King Publishing</p> <p>Verreos, N., &amp; Paul, D. (2019). <i>A Basic Guide to Pattern Drafting (Volume 1)</i>. NIKOLAKI Incorporation</p> <p>Watanabe, S. (2019). <i>Stylish Skirts: 23 Easy-to-Sew Skirts to Flatter Every Figure (Includes Drafting Diagrams)</i>. Tuttle Publishing</p>

## 8.4 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.9 Perincian Kursus

Semester 2			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
Ilustrasi Fesyen Digital (SFP20143)	<p>Kursus ILUSTRASI FESYEN DIGITAL memberi pendedahan kepada pelajar tentang proses dan teknik melukis ilustrasi dengan menggunakan pelbagai peralatan (<i>tools</i>) di dalam perisian digital. Pelajar mempamerkan kemahiran teknikal dan kemahiran digital dengan mengeksplorasi idea dan teknik untuk menghasilkan hasil kerja mengikut kreativiti dan gaya tersendiri pelajar.</p>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Menjelaskan lukisan digital terkini dalam ilustrasi fesyen</li><li>2. Menghasilkan ilustrasi fesyen digital dengan menggunakan aplikasi perisian digital terkini</li><li>3. Menghasilkan lukisan teknikal dengan menggunakan aplikasi perisian digital terkini</li></ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini</p> <p>Fridsma, L. (2022). Adobe Illustrator Visual QuickStart Guide. San Francisco: Peachpit Press.</p> <p>Hume, R. (2020). Fashion and Textile Design with Photoshop and Illustrator: Professional Creative Practice (2nd Edition). United Kingdom: Bloomsbury Visual Arts.</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Faulkner, A., &amp; Chavez, C. (2019). Adobe Photoshop Classroom in A Book. Adobe Press.</p> <p>Smith, S.S. (2015). CAD for Fashion Design and Merchandising. Fairchild Books.</p> <p>Wood, B. (2021). Adobe Illustrator Classroom in A Book. Adobe Pres</p>

## 8.3 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.9 Perincian Kursus

Semester 3			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
<b>Pakaian Lelaki (SFP30123)</b>	<p>Kursus PAKAIAN LELAKI ini memperkenalkan kepada pelajar tentang proses pembuatan pakaian lelaki. Pada peringkat permulaan, pelajar dikehendaki membincangkan tentang sejarah dan ciri-ciri pakaian lelaki khususnya Baju Melayu Cekak Musang dan Kemeja Lelaki. Pelajar juga perlu mendraf pola, memilih fabrik yang sesuai, membuat susun atur pola, menggunting fabrik dan menjahit pakaian lelaki mengikut proses kerja yang betul. Pengekosan perlu dibuat oleh pelajar setelah pakaian siap dijahit.</p>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengenalpasti sejarah pakaian lelaki secara jelas.</li><li>2. Mendraf pola pakaian lelaki mengikut aturan yang ditetapkan.</li><li>3. Menghasilkan pakaian lelaki mengikut langkah menjahit yang betul</li></ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Ainuddin, F. A. (2018). Gerobok Lelaki: Jom Jahit Baju Abang Sado. Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, JPKK, KPM.</p> <p>Drudi, E.K. (2021). Figure Drawing for Men's Fashion. Promopress.</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Ariffin, Z. (2015). A-Z Menjahit Baju Melayu. Utusan Publications &amp; Distributors Sdn Bhd.</p> <p>Coffin, D. P. (2018). Sewing Shirts with A Perfect Fit: The Ultimate Guide to Fit, Style, and Construction from Collared and Cuffed to Blouses and Tunics. Quarry Books.</p> <p>Coffin, D. P. (2015). The Shirt making Workbook: Pattern, Design, and Construction Resources. Quarry Books.</p> <p>Jungclaus, S. (2021). Modern Men's Tailoring: A Basic Guide to Pattern Drafting. Bokks on Demand</p> <p>Norris, N. (2018). Oh! Mudahny Jahit Baju Melayu: Langkah Demi Langkah. Alaf 21.</p>

## 8.4 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.9 Perincian Kursus

Semester 3			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
Senireka Fesyen 2 (SFP30094)	<p>Kursus SENIREKA FESYEN 2 ini memerlukan pelajar menghasilkan rekaan akhir sekurang-kurangnya satu (1) helai. Hasil rekaan ini menggambarkan idea reka bentuk berdasarkan sumber inspirasi dan kajian terhadap tren terkini yang dilakukan pada semester sebelumnya di dalam kursus SENIREKA FESYEN 1. Pelajar perlu membuat pola dan menjahit pakaian rekaan akhir dengan menerapkan pengetahuan dan kreativiti mereka. Laporan perlu dibuat untuk merekodkan proses-proses penghasilan rekaan tersebut dan semua item kajian dan perkembangan idea disusun dan dikumpulkan dalam portfolio yang dibuat secara kreatif.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mendraf pola rekaan akhir dengan kaedah manipulasi pola</li> <li>2. Menghasilkan pakaian mengikut rekaan akhir dengan menggunakan peralatan dan bahan serta langkah menjahit yang sesuai</li> <li>3. Mempersembahkan portfolio dengan mengumpul proses projek akhir</li> </ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Donnanno, A. (2021). Fashion Patternmaking Techniques: Haute Couture (Vol.2). Promopress.</p> <p>Karolyn, K. (2020). Draping: The Complete Course: Second Edition. Laurence King Publishing.</p> <p>Sha'ari, J. (2018). Diari Dunia Pereka Fesyen. Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital. JPKK, KPM.</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Fairbanks J. L. (2018). Pattern Design: Fundamentals: Construction and Pattern Making for Fashion Design. Fairbanks Publishing LLC.</p> <p>Hallett, C., Johnston, A. (2021). Fabric for Fashion: The Swatch Book Revised Second Edition. Laurence King Publishing.</p> <p>Hess.M. (2020) Illustrated World of Couture. Richmond Victoria AUS.</p> <p>Nakamichi, T. (2018). Pattern Magic 3. Laurence King Publishing.</p> <p>Smith, A. (2018). The Sewing Book: Over 300 Step-by-Step Techniques. Dorling Kindersley.</p> <p>Steriacci, F., &amp; Gavere, B.A. (2019). Pattern Making: Techniques for Beginners. Laurence King Publishing.</p> <p>Veblen, S. (2018). First Time Garment Fitting: The Absolute Beginner's Guide. Rockport Publishers Inc.</p>

## 8.4 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.9 Perincian Kursus

Semester 3			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
<b>Busana Warisan (SFP30103)</b>	<p>BUSANA WARISAN ini memperkenalkan kepada pelajar tentang pengetahuan dan kemahiran secara teori dan amali mengenai pakaian tradisional Baju Kurung Riau Pahang dan Kain Belah Selisih serta Kain Wiron. Pada peringkat awal kursus ini, pelajar perlu mengenal pasti sejarah dan ciri-ciri busana warisan tersebut. Seterusnya, pelajar perlu mendraf pola, memilih fabrik yang sesuai, membuat susun atur pola, menggunting fabrik dan menjahit busana warisan tersebut mengikut langkah kerja yang betul. Portfolio yang lengkap berkaitan proses penghasilan kedua-dua busana warisan dan pengekosan pakaian yang telah siap dijahit juga perlu disediakan oleh pelajar.</p>	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengenalpasti sejarah busana warisan secara jelas.</li><li>2. Menghasilkan busana warisan mengikut Langkah kerja yang betul.</li><li>3. Membuktikan proses penghasilan busana warisan.</li></ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Mamat, AA. (2018). Pakaian Tradisional Wanita. Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, JPKK, KPM.</p> <p>Ariffin, Z. (2015). A-Z Menjahit Baju Kurung. Utusan Publication &amp; Distributors Sdn. Bhd</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Zain, R.M. (2014). Oh! Mudahnya Jahit Kebaya. Selangor: Alaf 21</p>



## 8.4 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.9 Perincian Kursus

Semester 3			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
<p><b>Pakaian Kontemporari Wanita (SFP30113)</b></p>	<p>Kursus PAKAIAN KONTEMPORARI WANITA ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang penghasilan pakaian kontemporari wanita mengikut peredaran masa kini. Rekaannya adalah lebih ringkas dengan gabungan ciri dan stail terkini.</p> <p>Pelajar akan diberi penekanan dalam penyediaan pola, memotong fabrik dan mencantum bahagian-bahagian dengan prosedur dan teknik yang betul. Untuk kursus ini para pelajar akan menghasilkan pakaian kontemporari wanita Baju Kurung Moden beserta Kain Potongan Duyung dan Gaun Semi-Formal.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1 Mengenalpasti ciri-ciri pakaian kontemporari wanita mengikut trend terkini.</li> <li>2 Mendraf pola pakaian kontemporari wanita mengikut aturan yang ditetapkan.</li> <li>3 Menghasilkan pakaian kontemporari wanita mengikut langkah menjahit yang betul</li> </ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Shuben, M.M., &amp; Ward, J.P. (2022). Pattern Cutting and Making Up. CBS Publishers &amp; Distributors.</p> <p>Smith, A. (2021). The Dressmaking Book Over 80 Techniques. Dorling Kindesley Limited</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Abu Bakar, N. (2018). Indah dan Mudahnya Asas Jahitan. Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.</p> <p>Banner, B. (2022). Make, Sew and Mend. Page Street Publishing.Company.</p> <p>Diaz, H. (2021). How to Start Sewing: Guide to Starting Sewing, Different Sewing Patterns, Design, Techniques and More. Independently Published.</p> <p>Moore, K. (2021). Sewing (5th Edition): Sewing for Beginners - Quick &amp; Easy Way to Learn How to Sew with 50 Patterns for Beginners! Venture Ink.</p> <p>Paul, D., &amp; Verreos, N. (2019). A Basic Guide to Pattern Drafting. Nikolaki, Inc.</p> <p>Stephen, V. (2021). Sew a Beautiful Gown: Complete guide to making stylish handmade gowns with simple stitfch even as a beginner. Independently Published.</p> <p>Sterlacci, F., &amp; Gevere, B.A. (2019). Pattern Making: Techniques for Beginners. Laurence King Publishing.</p>

## 8.4 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.9 Perincian Kursus

Semester 3			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
<b>Kostum dan Budaya (SFP30132)</b>	Kursus KOSTUM DAN BUDAYA adalah merupakan kursus yang mendedahkan pelajar kepada sejarah dan perkembangan berkaitan kostum dan budaya di seluruh negara di dunia. Pelajar juga dapat mempelajari teknik-teknik pembuatan dan penghasilan kostum budaya salah sebuah negara di Benua Asia.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengenalpasti sejarah dan perkembangan berkaitan kostum dan budaya seluruh negara</li> <li>2. Menghasilkan kostum budaya (miniature) mengikut kostum yang dipilih</li> </ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Ann, M.R. (2022). Sewing Barbie Outfit: Wonderful Barbie Clothes Projects to Begin Sewing Today: Crochet Barbie Doll Costumes with Many Different Designs. Independently Published.</p> <p>Spósito, S. (2022). Fashion: The Ultimate History of Costume: From Prehistory to the Present Day. Promopress.</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Abd Shukor, &amp; Norazina. (2018). Aksesori 101. Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, JPKK, KPM.</p> <p>Benilan, A. (2021). Barbie Boutique: Sew 20 Stunning Outfits for Barbie and Ken. Search Press Limited.</p> <p>Bolton, A., Reeder, J. G., Regan, J., &amp; Garfinkel, A. (2020). About Time: Fashion Duration. Metropolitan Museum of Art.</p> <p>Foreword D.K. (2020). Fashion: The Definitive Visual Guide. Dorling Kindersly Limited.</p> <p>Laver, J. (2020). Costume and Fashion: A Concise History (World of Art). Thames &amp; Hudson Limited.</p> <p>Matthews, J. L. (2018). Pattern Design: Fundamentals: Construction and Pattern Making for Fashion Design. Fairbanks Publishing LLC.</p> <p>Planche, J.R. (2020). A Cyclopedia of Costume or, dictionary of dress, including notices of contemporaneous fashions on the continent (Volume II). Alpha Edition.</p> <p>Smith, A. (2018). The Sewing Book: Over 300 Step-by-Step Techniques. Dorling Kindersley.</p> <p>Taschen. (2021). Fashion History from The 18th to 20th Century. Taschen GmbH</p>

## 8.4 SIJIL FESYEN & PAKAIAN (SFP)

### 8.4.9 Perincian Kursus

Semester 4			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
Latihan Industri (SUT40038)	LATIHAN INDUSTRI memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengamalkan kemahiran dan pengetahuan yang dipelajari, dalam persekitaran kerja sebenar.	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Menunjukkan kemahiran yang telah dipelajari mengikut keperluan tugas di tempat kerja.</li><li>2. Mengamalkan komunikasi berkesan dan kemahiran sosial di tempat kerja.</li><li>3. Mengamalkan pembelajaran berterusan dan minda keusahawanan di tempat kerja.</li><li>4. Mengamalkan kerja berpasukan dan sikap tanggungjawab di tempat kerja.</li><li>5. Mematuhi nilai etika dan profesionalisme dengan berkesan di tempat kerja.</li></ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini :</p> <p>Kementerian Pengajian Tinggi. (2010). Dasar Latihan Industri Institusi Pengajian Tinggi.</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini :</p> <p>Four Essential Skills For Workplace Success In The 21st Century Digital Economy (2018). Forbes Community Voice. Retrieved from: <a href="http://www.forbes.com/sites/forbescommunicationscouncil">http://www.forbes.com/sites/forbescommunicationscouncil</a></p> <p>The Future of Jobs : Employment, Skills and Workforce Strategy for the Fourth Industrial Revolution (2016, January). World Economy Forum. Retrieved from: <a href="http://www3.weforum.org/docs/WEF_FOJ_Executive_Summary_Jobs.pdf">www3.weforum.org/docs/WEF_FOJ_Executive_Summary_Jobs.pdf</a></p>



## **9.0 UNIT BAGI PENGURUSAN AKADEMIK**

# **9.1 UNIT PENGAJIAN AM (UPA)**

## 9.1 UNIT PENGAJIAN AM (UPA)

### 9.1.1 Pengenalan Unit Pengajian Am (PA)

Unit PA merupakan unit sokongan akademik yang menawarkan kursus-kursus kategori wajib yang berstruktur ke arah mempertingkatkan kualiti modal insan sejajar dengan matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

Unit PA terdiri daripada 7 orang pensyarah dari pelbagai latar pendidikan akademik. Proses Pengajaran dan Pembelajaran dilaksanakan adalah berpandukan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan bagi memberi keberkesanan dalam pengajaran.

### 9.1.2 Fasiliti Unit PA

Berikut adalah fasiliti yang terdapat di Unit PA

BIL	MAKMAL/BENKEL	KUANTITI
1.	Bilik Kuliah	5
2.	Makmal Bahasa	1
3.	Makmal Komputer	2

## 9.1 UNIT PENGAJIAN AM (UPA)

### 9.1.3 Struktur Kursus

PENAWARAN KURSUS-KURSUS PERINGKAT SIJIL

(Sijil Versi 27102020)

Klasifikasi	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Pertemuan				Nilai Kredit	Prasyarat / Syarat Bersama
			K	A	T	L		
<b>SEMESTER 1</b>								
WAJIB	SBC10012	APLIKASI KOMPUTER	1	2	0	0	2	
	SUE10011	COMMUNICATIVE ENGLISH	1	0	0	0	1	
	MPU11012	PENGAJIAN MALAYSIA	2	0	0	0	2	
<b>JUMLAH</b>			6				4	
<b>SEMESTER 2</b>								
WAJIB	SUE20021	WORKPLACE ENGLISH	1	0	0	0	1	
	MPU13012	PENDIDIKAN ISLAM	2	0	0	0	2	
	MPU13022	PENDIDIKAN MORAL	2	0	0	0		
<b>JUMLAH</b>			5				3	
<b>SEMESTER 3</b>								
WAJIB	MPU12012	KEUSAHAWANAN	1	0	2	0	2	
<b>JUMLAH</b>			3				2	
<b>JUMLAH NILAI KREDIT</b>								

(Sijil Versi 06062024)

Klasifikasi	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Pertemuan				Nilai Kredit	Prasyarat / Syarat Bersama
			K	P	T	L		
<b>SEMESTER 1</b>								
WAJIB	SBC10022	APLIKASI KOMPUTER	1	2	0	0	2	
	SUE10031	COMMUNICATIVE ENGLISH	1	0	1	0	1	
	MPU10022	MATEMATIK	1	0	2	0	2	
<b>JUMLAH</b>			6				4	
<b>SEMESTER 2</b>								
WAJIB	SUE20041	WORKPLACE ENGLISH	1	0	1	0	1	
	MPU13061	INTEGRITI DAN ANTIRASUAH (KIAR)	0	0	2	0	1	
<b>JUMLAH</b>			4				2	
<b>SEMESTER 3</b>								
WAJIB	MPU12042	KEUSAHAWANAN	1	0	2	0	2	
WAJIB	MPU11022	PENGAJIAN MALAYSIA						
WAJIB	MPU13042	PENDIDIKAN ISLAM	2	0	0	0	2	
WAJIB	MPU13052	PENDIDIKAN MORAL	2	0	0	0		
<b>JUMLAH</b>			7				2	
<b>JUMLAH NILAI KREDIT</b>								

Petunjuk: K-Kuliah A-Amali T-Tutorial L-Lain-lain

PENAWARAN KURSUS-KURSUS PERINGKAT DIPLOMA

Klasifikasi	Kod Kursus	Nama Kursus	Jam Pertemuan				Nilai Kredit	Prasyarat / Syarat Bersama
			K	A	T	L		
<b>SEMESTER 1</b>								
WAJIB	DUE10102	ESSENTIAL ENGLISH	14	0	28	0	2	
	MPU21042	PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN	14	0	28	0	2	
<b>JUMLAH</b>			6				4	
<b>SEMESTER 2</b>								
WAJIB	DUE20112	FUNCTIONAL ENGLISH	14	0	28	0	2	
	MPU23152	PENDIDIKAN ISLAM	14	0	28	0	2	
	MPU23162	PENDIDIKAN MORAL						
<b>JUMLAH</b>			6				4	
<b>SEMESTER 3</b>								
WAJIB	MPU24012	SUKAN	14	0	28	0	2	
	MPU24022	KELAB						
	MPU24032	KHIDMAT KOMUNITI						
<b>JUMLAH</b>			3				2	
<b>SEMESTER 4</b>								
WAJIB	MPU22032	ENTREPRENEURSHIP	14	0	28	0	2	
<b>JUMLAH</b>			3				2	
<b>JUMLAH NILAI KREDIT</b>							12	

**Petunjuk:** K-Kuliah A-Amali T-Tutorial L-Lain-lain

## 9.1 UNIT PENGAJIAN AM (UPA)

### 9.1.4 Perincian Kursus

#### PENAWARAN KURSUS-KURSUS PERINGKAT SIJIL (Versi 27102020)

Semester 1			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
<b>Aplikasi Komputer (SBC10012)</b>	Aplikasi Komputer memberi pendedahan tentang pengetahuan aplikasi komputer dan mempraktikkan penggunaan perisian aplikasi yang sesuai dan tertib bagi melaksanakan dokumentasi dan tugas-tugas kehidupan harian. Pelajar akan diajar kaedah yang betul untuk menggunakan perisian yang tertentu bagi membina asas penggunaan perisian aplikasi komputer. Pelajar juga akan didedahkan kepada persekitaran perisian atas talian dalam melaksanakan dokumentasi.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menunjukkan kebolehan menggunakan perisian aplikasi komputer bagi menghasilkan dokumen dalam melaksanakan dokumentasi harian.</li> <li>2. Menerangkan cara penggunaan perisian aplikasi computer untuk memproses dan menggunakan maklumat dalam melaksanakan tugas-tugas kehidupan harian.</li> <li>3. Mempamerkan kemahiran menggunakan perisian aplikasi komputer dalam melaksanakan dokumentasi harian.</li> </ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini :</p> <p>Lambert, J. &amp; Frye, C (2019). Microsoft Office 2019 Step by Step. Boston: Microsoft Press.</p> <p>Lambert, J. &amp; Frye, C. (2015). Redmond: Microsoft Press.</p> <p>M. Sue, V. &amp; T. Griffin, M. (2015). Data Visualization &amp; Presentation with Microsoft Office. Thousand Oaks: SAGE Publications Inc.</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini :</p> <p>Matthews, M. &amp; Matthews, C. (2015). How to do everything: Microsoft Office Online. United States: McGraw-Hill Education.</p> <p>Wang, W. (2018). Office 2019 for Dummies. New Jersey: John Wiley &amp; Sons, Inc.</p>



## 9.1 UNIT PENGAJIAN AM (UPA)

### 9.1.4 Perincian Kursus

#### PENAWARAN KURSUS-KURSUS PERINGKAT SIJIL (Versi 27102020)

Semester 1			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
Communicative English (SUE10011)	This Course is aimed at developing and improving student's English language competence and confidence to communicate basic personal and non-personal information as well as perform various basic social interactions. Additionally, it is expected that students will also improve their linguistic and non-linguistic competences. Finally, it is hoped that students will be able to function as a basic user of English language at between CEFR A1 to A2 levels.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Participate in exchanges about familiar topics effectively</li> <li>2. Perform basic social interactions effectively</li> </ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini :</p> <p>Collins Easy Learning English-Easy Learning English Conversation: BOOK 1.(2015). United Kingdom: Harper Collins Publishers</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini :</p> <p>Azar, B.S. (2017). Understanding and Using English Grammar, Workbook. United States: Pearson Education.</p> <p>Easy Learning English Conversation Book 2: Your Essential Guide to Accurate English . (2015). United Kingdom: Harper Collin Publishers.</p> <p>Puchta, H., &amp; Stranks, J. (2010). English in Mind Starter Level Student's Book (2<sup>nd</sup> Revised Edition). Cambridge: Cambridge University Press</p> <p>Yates, J. (2020). Practice Makes Perfect: English Conversation, Premium Third Edition. United States: McGraw-Hill Education.</p>

## 9.1 UNIT PENGAJIAN AM (UPA)

### 9.1.4 Perincian Kursus

#### PENAWARAN KURSUS-KURSUS PERINGKAT SIJIL (Versi 27102020)

Semester 1			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
Pengajian Malaysia (MPU11012)	Pengajian memperkenalkan kepada Malaysia kepada pelajar tentang sejarah negara, sistem politik, pembinaan negara bangsa dan kedudukan Islam dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Kursus ini adalah bertujuan untuk melahirkan graduan yang mempunyai identiti kebangsaan dan semangat patriotism yang unggul.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Membincangkan kesedaran terhadap kepentingan identiti kebangsaan kearah mengukuhkan semangat patriotisme.</li> <li>2. Menyedari sikap dan tanggungjawab yang signifikan terhadap sistem politik dan pembinaan negara bangsa.</li> <li>3. Mengamalkan sikap yang positif terhadap proses pembinaan hubungan dan interaksi sosial yang baik dalam masyarakat</li> </ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Mardiana Nordin dan Hasnah Hussin,(2014). Pengajian Malaysia. Shah Alam: Oxford Fajar.</p> <p>Normurni Mohamad, Razana Fatim Abdullah@Razali, Mohamat Faizal Ahmat, (2016). Pengajian Malaysia. Shah Alam: Oxford Fajar.</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Intan,(1991). Malaysia Kita. Kuala Lumpur: Institut Tadbir Awam Negara.</p> <p>Ruslan Zainuddin, Mohd Mahadee Ismail &amp; Zaini Othman. (2010). Kenegaraan Malaysia. Edisi Kedua. Shah Alam : Oxford Fajar</p> <p>Mohamed Suffian Hashim.(1994). Mengenal Perlembagaan Malaysia. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.</p> <p>Nazaruddin Haji Mohd Jail, Ma'rof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah dan Ismail Hj Mohd Rashid. (2004). Pengajian Malaysia: Kenegaraan dan Kewangan. Edisi Kedua. Petaling Jaya. Prentice Hall.</p>

## 9.1 UNIT PENGAJIAN AM (UPA)

### 9.1.4 Perincian Kursus

#### PENAWARAN KURSUS-KURSUS PERINGKAT SIJIL (Versi 27102020)

Semester 2			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
<b>Workplace English (SUE20021)</b>	This course is aimed at developing and improving students' English language competence and confidence to communicate conduct social transactions in workplace contexts as well as perform familiar job procedures effectively. Additionally, it is expected that students will improve their linguistic and non-linguistic competences. Finally, it is hoped that students will be able to function as an independent user of English language at between CEFR A1 to A2 levels.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Participate in basic workplace communication Effectively</li> <li>2. Perform familiar job procedures effectively</li> </ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Language Policy Programme, Education Policy Division, Education Department. (2018). Common European Framework of reference for Languages: Learning, Teaching, Assessment (Companion Volume with New Descriptors). Strasbourg Cedex: Council of Europe. Retrieved from <a href="https://rm.coe.int/cefr-companion-volume-with-new-descriptors-2018/1680787987">https://rm.coe.int/cefr-companion-volume-with-new-descriptors-2018/1680787987</a></p> <p>Schofield, J.(2014). Workplace English 2: A2. Glasgow: Collins.</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini :</p> <p>Azar, B.S. (2017). Understanding and Using English Grammar, Workbook. United States: Pearson Education.</p>
<b>Pendidikan Islam (MPUI3012)</b>	Pendidikan Islam disediakan untuk melahirkan warganegara yang faham tasawwur (konsep) Islam sebagai satu cara hidup yang bersepadu dan seimbang serta berupaya.	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menunjukkan dengan yakin amalan Islam dalam kehidupan seharian seorang muslim</li> <li>2. Membentangkan etika dan profesionalisme dalam institusi keluarga ke arah pembentukan ummah yang mampan.</li> <li>3. Membincangkan inisiatif yang signifikan dalam mendepani cabaran semasa masyarakat Islam di Malaysia.</li> </ol>	<p><b>Rujukan Utama</b> Yang Menyokong Kursus Ini :</p> <p>Ismail Kamus &amp; Mohd Azrul Azlen Abd. Hamid (2019). Indahnya Hidup Bersyariat. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd</p> <p>Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2016). Bahtera Penyelamat. Batu Caves: PTS Publication &amp; Distributors Sdn Bhd</p> <p>Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2016). Talak &amp; Permasalahannya. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd</p> <p><b>Rujukan Tambahan</b> Yang Menyokong Kursus Ini:</p> <p>Mohd. Zahid Zulkifli &amp; Sarimah Yaakop (2019). Klon SPM Pendidikan Islam. Shah Alam: Bestari Karangkrat Sdn. Bhd</p> <p>Udah Mohsin &amp; Haron Din (2019). Eksklusif Solat-Solat Sunat. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.</p> <p>Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2017). Fiqh Musafir: Solat Jama' &amp; Qasar. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.</p>

## 9.1 UNIT PENGAJIAN AM (UPA)

### 9.1.4 Perincian Kursus

